

Elak cukai berganda akan dimeterai

BH: Khamis 21/6/2007



MALAYSIA dan Bosnia Herzegovina akan menandatangani perjanjian mengelak cukai berganda dalam usaha merencanakan lagi kerjasama kedua-dua negara dalam bidang ekonomi serta perdagangan yang kini masih kurang memberangsangkan.

Majlis menandatangani perjanjian itu akan diadakan sempena lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke sini bermula hari ini.

Duta Malaysia ke Republik Serbia yang juga Utusan Khas ke Bosnia Herzegovina, Datuk Saw Ching Hong, berkata perdagangan kedua-dua negara tahun lalu hanya sekitar RM8 juta dengan eksport Malaysia ke ne-

gara ini berjumlah lebih RM7 juta sebahagian besar membabitkan produk minyak sawit dan makanan, manakala import kurang RM600,000.

Sehubungan itu, beliau berkata, lawatan Perdana Menteri ke sini dijangka memberi fokus untuk merencanakan lagi kerjasama ekonomi dan perdagangan kedua-dua negara, selain memperkukuhkan hubungan yang sedia terjalin.

Pada sidang akhbar di sini semalam, Saw berkata, Abdullah akan mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Majlis Menteri-Menteri Bosnia Herzegovina, Nikola Spiric pada hari pertama lawatannya, sebelum kedua-dua pemimpin menyertai forum perniagaan yang dijangka dihadiri lebih 300 usahawan kedua-dua negara.

Spiric juga dijadual meraikan Abdullah pada jamuan negara di kediaman rasminya, Konak Residence di sini, malam ini. Perdana Menteri membawa delegasi seramai kira-kira

200 orang, termasuk wakil lebih 38 syarikat bagi meneroka peluang pelaburan di negara ini.

Delegasi itu turut disertai Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Kerjaraya, Datuk Seri Samy Vellu, dua Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli (Perak) dan Datuk Idris Jusoh (Terengganu) serta beberapa Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Saw berkata, Bosnia Herzegovina mempunyai banyak potensi untuk diteroka pelabur Malaysia, termasuk dalam sektor makanan, infrastruktur, perhotelan dan pertanian.

"Malaysia juga boleh menjadikan negara ini sebagai pintu masuk utama bagi membekalkan makanan halal ke pasaran Eropah," katanya sambil menambah Bosnia turut mempunyai sumber air mineral yang boleh diterokai pelabur Malaysia.

Bosnia Herzegovina yang dalam proses membina semula ekonominya selepas terbabit dalam peperangan etnik lebih sedekad lalu, mempunyai empat juta penduduk dengan lebih 40 peratus daripada beragama Islam.

Ini lawatan rasmi pertama Abdullah sejak menjadi Perdana Menteri. Beliau pernah ke sini pada 1997 ketika menjadi Menteri Luar. Dalam lawatannya, Abdullah juga menyampaikan syarahan umum di Universiti Sarajevo.

FAKTA NOMBOR

Perdagangan Malaysia, Bosnia

RM7j

Eksport Malaysia pada 2006

RM600,000

Import